

## **Terma dan Syarat Kad Kredit The Store and Pacific – Hong Leong**

Terma dan syarat di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong (“Perjanjian”). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat di dalam ini (“**Terma dan Syarat Kad**”), maka Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat mana terma-terma itu terpakai kepada Kad Kredit The Store – Hong Leong and Pacific - Hong Leong.

### **1. Takrifan**

- 1.1 “Bank” bermakna Hong Leong Bank Berhad;
- 1.2 “Kitaran Bil” bermakna pengeluaran Penyata Bulanan Kad Berjenama Bersama pada setiap bulan kalendar;
- 1.3 “Kad Berjenama Bersama” bermakna secara kolektif Kad Kredit The Store-Hong Leong dan Kad Kredit Pacific-Hong Leong, dan masing-masing hendaklah dirujuk sebagai “Kad Berjenama Bersama”;
- 1.4 “Pemegang Kad” bermakna nama individu yang tertera pada Kad Berjenama Bersama, sama ada Pemegang Kad Utama atau Tambahan;
- 1.5 “Pemegang Kad Utama” bermakna Pemegang Kad yang kepadanya dikeluarkan Kad Utama;
- 1.6 “Kad Utama” bermakna Kad Berjenama Bersama yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Utama;
- 1.7 “Program Rebat” bermakna program bagi Pemegang Kad yang layak untuk memperoleh Rebat bagi penebusan Baucar Hadiah yang dikeluarkan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket, mengikut mana yang berkenaan;
- 1.8 “Rebat” bermakna rebat yang diperoleh oleh Pemegang Kad berdasarkan perbelanjaan yang dicaj kepada Kad Berjenama Bersama melainkan yang dikecualikan menurut Fasal 4 di sini;
- 1.9 “Rebat Maksimum” bermakna amaun Rebat maksimum yang dapat dimiliki oleh Pemegang Kad dalam masa satu Kitaran Pembilan Kad Berjenama Bersama atau apa-apa tempoh masa lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa;
- 1.10 “Harga Ahli” bermakna harga istimewa untuk Pemegang Kad atas Produk dan Perkhidmatan sertain terpilih yang ditentukan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket dari semasa ke semasa;
- 1.11 “Manfaat Ahli” meliputi Harga Ahli dan/atau manfaat lain yang ditentukan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket dari semasa ke semasa;
- 1.12 “Pacific Hypermarket” bermakna rangkaian stor runcit, pasar raya dan/atau pasar raya besar yang diuruskan dan dikendalikan di bawah nama “Pacific Hypermarket” oleh PACIFIC HYPERMARKET & DEPARTMENTAL STORE SDN BHD (No. Syarikat 361202-X);
- 1.13 “Kad Kredit Pacific-Hong Leong” bermakna kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank dengan tanda dan/atau logo Pacific Hypermarket;
- 1.14 “The Store” bermakna rangkaian stor runcit, pasar raya dan/atau pasar raya besar yang diuruskan dan dikendalikan di bawah nama “The Store” oleh THE STORE (MALAYSIA) SDN BHD (No. Syarikat 8199-K);
- 1.15 “Kad Kredit The Store-Hong Leong” bermakna kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank dengan tanda dan/atau logo The Store;

- 1.16 “Produk dan Perkhidmatan Sertaan” bermakna produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket;
- 1.17 “Produk dan Perkhidmatan Bukan Sertaan” bermakna produk dan servis selain daripada Produk dan Perkhidmatan Sertaan;
- 1.18 “Baucar Hadiah” bermakna baucar yang dikeluarkan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket kepada Pemegang Kad untuk tujuan penebusan Rebat;
- 1.19 “Bulan Penebusan” bermakna bulan-bulan yang disebut dalam Fasal 9 di bawah untuk penebusan automatik Rebat kepada Pemegang Kad dalam bentuk Baucar Hadiah;
- 1.20 “RM” bermakna Ringgit Malaysia;
- 1.21 “Pemegang Kad Tambahan” bermakna individu yang dinamakan oleh Pemegang Kad Utama sebagai Pemegang Kad Tambahan menurut Fasal 22 Perjanjian dan yang kepadanya Bank keluarkan Kad Berjenama Bersama;
- 1.22 “Penyata” bermakna penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang memaparkan jumlah baki belum lunas, caj kewangan, fi, caj, amaun minimum kena bayar dan tarikh matang bayaran.

#### Tafsiran

- a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian melainkan ditakrif secara khusus dalam T&Cs ini.
- b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

#### **Fi Pemprosesan Tahunan**

2. Pemegang Kad boleh menikmati Harga Ahli dan Manfaat Ahli yang ditawarkan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket dengan syarat membayar fi pemprosesan tahunan yang dikenakan oleh THE STORE CARD SDN BHD (No. Syarikat 283131-H) (“The Store Card Sdn Bhd”) seperti berikut (“**Fi Pemprosesan Tahunan**”):
  - 2.1 Untuk tahun pertama, Fi Pemprosesan Tahunan tidak dikenakan oleh The Store Card Sdn Bhd. Untuk tahun-tahun seterusnya, Fi Pemprosesan Tahunan akan dikenakan selaras dengan jenis-jenis Kad Utama berikut:
    - 2.1.1 Kad Berjenama Bersama Gold – RM 20.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) setahun atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh The Store Card Sdn Bhd.
    - 2.1.2 Kad Berjenama Bersama Platinum – RM 40.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) setahun atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh The Store Card Sdn Bhd.
  - 2.2 Jika Kad Berjenama Bersama masih sah dan belum dibatalkan atau digantung oleh Pemegang Kad dan/atau Bank, pembaharuan tahunan dengan The Store Card Sdn Bhd hendaklah dilakukan oleh Pemegang Kad supaya terus melayakkan Pemegang Kad menikmati manfaat-manfaat Ahli. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap penggantungan, penamatan atau pembatalan Manfaat-manfaat Ahli oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket.

- 2.3 Fi Pemprosesan Tahunan akan dicaj kepada akaun Kad Berjenama Bersama dan akan dipaparkan dalam Penyata Bulanan Kad Berjenama Bersama yang dikeluarkan oleh Bank bagi Kitaran Pembilan berkenaan.

### Program Rebat

3. Pemegang Kad adalah layak menikmati Rebat seperti berikut:

Jumlah perbelanjaan dengan Kad Berjenama Bersama dalam Kitaran Bil	Rebat	Rebat Maksimum yang dibenarkan
RM1 hingga RM1,500 pertama bagi Produk dan Perkhidmatan yang terlibat	3%	RM45
RM1,501 seterusnya dan ke atas bagi Produk dan Perkhidmatan yang terlibat	6%	RM30
Apa-apa amaun bagi Produk dan Perkhidmatan tidak terlibat	0.5%	Tiada Had Maksimum

Contoh:

Senario	Jumlah perbelanjaan dalam Kitaran Bil bagi Produk dan Perkhidmatan yang terlibat	Jumlah perbelanjaan dalam Kitaran Pembilan bagi Produk dan Perkhidmatan tidak terlibat	Rebat Tunai 3%	Rebat Tunai 6%	Rebat Tunai 0.5%
1	RM1,200	RM1,000	RM36 (RM1,200 x 3%)	–	RM5
2	RM2,300	RM2,000	RM45 (RM1,500 x 3%)	RM30 (RM800 x 6%) *Tertakluk kepada Rebat Tunai Maksimum RM30	RM10
3	RM1,800	RM1,500	RM45 (RM1,500 x 3%)	RM18 (RM300 x 6%)	RM7.50

4. Bagi mengelakkan keraguan, Rebat tidak akan diberi bagi mana-mana yang berikut:
- 4.1 Transaksi petrol;
  - 4.2 Pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai didebitkan kepada akaun Kad Berjenama Bersama;
  - 4.3 Bayaran bagi Call-for-Cash atau program serupa biar apa pun nama diberi;

- 4.4 Pelan Bayaran Lanjut Bank (EPP), Pelan Bayaran Fleksi (FPP), Pindahan Baki, , Pelan My Payment atau program serupa biar apa pun nama diberi;
  - 4.5 Bayaran yang dibuat untuk apa-apa fi dan/atau caj yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Bank perlu dibayar kepada atau bersabit dengan Kad Berjenama Bersama, termasuk tanpa batasan kepada fi pemprosesan tahunan, fi tahunan, dan caj kewangan;
  - 4.6 Cukai Kerajaan (jika berkenaan) dan apa-apa cukai serupa yang lain biar apa pun nama diberi;
  - 4.7 Caj kepada Kad Berjenama Bersama yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad, sama ada Kad Utama atau Kad Tambahan, yang kemudiannya dibalikkan oleh Bank;
  - 4.8 Semua transaksi berkaitan Kerajaan dan semua bayaran transaksi dalam talian menerusi Hong Leong Connect.
5. Rebat yang diperoleh itu dikumpulkan pada setiap Kitaran Bil .
  6. Rebat Maksimum ialah RM75.00, yakni Pemegang Kad boleh memperoleh Rebat sehingga amaun maksimum RM75.00 dalam setiap Kitaran Bil berdasarkan perbelanjaan menggunakan Kad Berjenama Bersama dan Rebat tidak akan diberi lagi bagi Kitaran Bil tersebut setelah Pemegang Kad memenuhi Rebat Maksimum.
  7. Rebat yang dikumpul oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Berjenama Bersama Pemegang Kad Utama. Jumlah Rebat yang dikumpul oleh Pemegang Kad sama ada Utama atau Tambahan, akan dipaparkan dalam Penyata bulanan Pemegang Kad Utama.

### **Penebusan Rebat**

8. Rebat akan ditukar dan ditebus dalam bentuk Baucar Hadiah secara automatik pada setiap bulan Mac, Jun, September dan Disember ("**Bulan-bulan Penebusan**"). Baucar Hadiah akan dihantar kepada alamat pos Pemegang Kad Utama yang berdaftar dengan Bank. Pemegang Kad Utama hendaklah menghubungi Bank dalam masa 3 bulan sekiranya tidak menerima Baucar Hadiah. Contoh: Pemegang Kad Utama berhak menerima Baucar Hadiah berdasarkan Penyatanya bertarikh 15 Mac 2020. Sekiranya tidak menerima Baucar Hadiah, Pemegang Kad Utama mestilah memberitahu Bank pada atau sebelum 14 Jun 2020.
9. Pemegang Kad dengan ini mengakui terdapat keluputan masa antara satu transaksi yang dibuat menggunakan Kad Berjenama Bersama dengan pengkreditan Rebat ke dalam akaun Kad Berjenama Bersama. Oleh itu Bank tidak membuat representasi dan waranti bahawa Rebat yang **terkumpul** sebelum Bulan-bulan Penebusan boleh segera didapati untuk penebusan semasa Bulan Penebusan berkenaan.
10. Setiap pengumpulan Rebat minimum RM10.00 ("**Amaun Minimum**") dalam masa Bulan-bulan Penebusan ditukar kepada kelayakan setara satu (1) Baucar Hadiah dalam nilai RM10.00 tertakluk kepada syarat-syarat berikut ini:

- 10.1 Rebat yang diperoleh oleh Pemegang Kad memenuhi Amaun Minimum;
  - 10.2 Sekiranya Rebat itu di bawah Amaun Minimum, maka penebusan akan ditangguh sehingga Amaun Minimum itu dipenuhi;
  - 10.3 Rebat tidak dikumpulkan kerana Kad Berjenama Bersama digunakan secara tipuan atau tanpa kebenaran, seperti mana ditentukan oleh Bank;
  - 10.4 Kad Berjenama Bersama adalah sah dan berkedudukan kredit yang baik;
  - 10.5 Tiada keingkaran bayaran bagi amaun belum lunas dalam akaun Kad Berjenama Bersama;
  - 10.6 Akaun Kad Berjenama Bersama belum melampaui had kredit yang diluluskan; dan
  - 10.7 Kad Berjenama Bersama tidak disekat, digantung, dibatalkan atau ditamatkan oleh Pemegang Kad dan/atau Hong Leong Bank atas apa jua sebab sekalipun.
11. Sebarang Rebat (penangguhan disebabkan Amaun Minimum tidak dipenuhi, seperti mana ditakrif dalam Fasal 10 di atas atau akibat keluputan masa dalam mengkreditkan Rebat ke dalam akaun Kad Berjenama Bersama Pemegang Kad) akan dikumpulkan dan dibawa ke hadapan kepada Kitaran Bil berikut.
12. Dengan berlakunya salah satu peristiwa ini akan serta-merta menjadikan Rebat terbatal atau terlupus, dan Bank tidak akan memberi apa-apa bayaran balik, perlanjutan masa atau pampasan:
- 12.1 Pembatalan dan/atau penamatan Kad Berjenama Bersama oleh Pemegang Kad dan/atau Bank atas apa jua sebab;
  - 12.2 Akaun Kad Berjenama Bersama menjadi culas atau tertunggak;
  - 12.3 Program Rebat ditamatkan oleh Bank, The Store dan/atau Pacific Hypermarket atas apa jua sebab sekalipun;
  - 12.4 Kad Berjenama Bersama digunakan secara tipuan atau tanpa kebenaran, seperti mana ditentukan oleh Bank;
  - 12.5 Apabila Pemegang Kad meninggal dunia

Rebat telah melampaui tarikh luputnya selama 3 tahun dari tarikh pengumpulan (“Tarikh Luput”).

Contoh:

Tahun dalam mana Rebat dikumpulkan	Tarikh Luput Efektif Rebat
1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014	31 Disember 2017
1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015	31 Disember 2018
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016	31 Disember 2019
1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017	31 Disember 2020

13. Setelah penukaran Rebat daripada akaun Kad Berjenama Bersama kepada Baucar Hadiah, Rebat yang telah ditukar dan ditebus itu akan lenyap dan tidak boleh dikembalikan semula.
14. Rekod Bank tentang perbelanjaan Pemegang Kad adalah bukti muktamad akan jumlah Rebat yang diperoleh oleh Pemegang Kad.
15. Hanya Pemegang Kad Utama berhak menikmati penebusan Rebat bagi Baucar Hadiah sepanjang hayat Pemegang Kad.
16. Kad Berjenama Bersama tidak melayakkan Pemegang Kad menyertai mana-mana program

ganjaran lain berkenaan kad-kad kredit yang dikeluarkan oleh Bank selain daripada Kad Berjenama Bersama.

### **Baucar Hadiah**

17. Baucar Hadiah akan dihantar kepada Pemegang Kad di alamat pos yang terakhir diketahui berserta dengan Penyata Bulanan Kad Berjenama Bersama pada Bulan-bulan Penebusan berkenaan.
18. Terma dan syarat Baucar Hadiah adalah seperti berikut:
  - 18.1 Baucar Hadiah semata-mata digunakan untuk membeli Produk dan Perkhidmatan sertaan sahaja;
  - 18.2 Baucar Hadiah mempunyai tempoh sah tiga (3) bulan dari bulan pengeluaran atau apa-apa tempoh masa lain yang ditentukan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket dari semasa ke semasa ("**Tempoh Sah**")
    - (i) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan Mac dalam sesuatu tahun adalah sah sehingga 30 Jun tahun yang sama
    - (ii) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan Jun dalam sesuatu tahun adalah sah sehingga 30 September tahun yang sama
    - (iii) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan September dalam sesuatu tahun adalah sah sehingga 31 Disember tahun yang sama
    - (iv) Baucar Hadiah yang dikeluarkan pada bulan Disember dalam sesuatu tahun adalah sah sehingga 31 Mac tahun yang sama
  - 18.3 Jika Baucar masih belum digunakan selepas habis Tempoh Sah, maka Baucar Hadiah akan luput dan sama sekali tidak akan diganti oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket dan Baucar Hadiah yang belum guna itu tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit;
  - 18.4 Bank, The Store dan/atau Pacific Hypermarket tidak bertanggungjawab jika Baucar Hadiah itu hilang, cacat, koyak, rosak, dicuri atau tidak diterima;
  - 18.5 Jika Baucar Hadiah digunakan untuk sesuatu bernilai kurang daripada amaun Baucar Hadiah, maka perbezaan nilainya tidak akan diganti dengan wang tunai;
  - 18.6 Jika nilai Baucar Hadiah itu kurang daripada nilai item yang dibeli, maka Pemegang Kad hendaklah membayar perbezaan nilainya.
  - 18.7 Pemegang Kad dengan ini menerima dan bersetuju untuk terikat dengan apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh The Store dan/atau Pacific Hypermarket dari semasa ke semasa;
  - 18.8 The Store dan/atau Pacific Hypermarket berhak melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan dalam menggunakan Kad Berjenama Bersama untuk penebusan Baucar Hadiah;
  - 18.9 Setiap Baucar Hadiah hanya sah untuk satu (1) kali guna sahaja sepanjang Tempoh Sah, dan mestilah ditunjukkan bersama-sama Kad Berjenama Bersama Utama di outlet Pacific Hypermarket, mengikut mana yang berkenaan, pada masa digunakan;
  - 18.10 Terma dan syarat penggunaan Baucar Hadiah yang selanjutnya boleh disemak di bahagian belakang Baucar Hadiah berkenaan.

19. Keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Program Rebat, Penebusan Rebat dan/atau Baucar Hadiah adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang
20. Rebat dan/atau Baucar Hadiah bukan untuk dijual, tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit atau manfaat barangan, sebahagian atau keseluruhan.
21. Bank mempunyai hak mutlak untuk mengubah, menggugurkan, menambah atau meminda terma dan syarat di dalam ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan dan kriteria Rebat, kaedah untuk mengira dan memberi Rebat serta penebusan Baucar Hadiah.
22. Bank berhak untuk menolak dan/atau membatalkan sebarang rebat daripada mana-mana akaun Kad Berjenama Bersama dengan memberi notis awal.

